

23 APR 2002

Saham-Kelisa

PERDANA MENTERI AKAN SAMPAIKAN HADIAH KELISA

ALOR SETAR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan hadiah utama berupa sebuah kereta Produa Kelisa GX kepada pengunjung bijak sempena Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2002 di sini.

Ketua Eksekutif Permodalan Nasional Berhad (PNB) Datuk Hamad Kama Piah Che Othman berkata hadiah itu akan disampaikan pada Jumaat ini sempena perasmian majlis penutupan MSAM 2002 oleh Dr Mahathir.

MSAM kali ketiga itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 20 April lepas.

Hamad Kama Piah berkata sehingga hari ini hampir 80,000 orang telah mengunjungi tapak pameran minggu tersebut yang diadakan di perkarangan Stadium Darulaman di sini.

Beberapa aktiviti mudah lagi menarik diadakan semasa program itu dengan menawarkan pelbagai hadiah seperti kereta Produa Kelisa GX, komputer peribadi, dan basikal.

Katanya, peluang untuk memenangi kereta Produa Kelisa itu masih terbuka sehingga hari penutupan kerana pengunjung perlu menjawab soalan mudah dan melengkapkan slogan dan pemilihan pemenang akan dibuat pada hari terakhir nanti.

"Saya minta orang ramai terus mengunjungi pameran minggu ini. Selain dapat memenangi hadiah-hadiah menarik, banyak maklumat dan pendidikan mengenai saham amanah akan diperolehi," katanya.

Beliau berkata setakat ini sambutan MSAM di Kedah amat menggalakkan.

-- BERNAMA

MNH NMO